

31 JUL 2000

Mahathir-Hasina/I

DR MAHATHIR MAHU DAGANGAN DENGAN BANGLADESH DIPERTINGKAT

PUTRAJAYA, 31 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan dagangan antara Malaysia dan Bangladesh perlu dipertingkatkan khusus dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata usaha harus dipergiatkan dengan menggunakan segala peluang yang ada untuk mengembangkan hubungan perdagangan dua hala.

Beliau berkata demikian dalam jamuan malam di kediaman rasminya di sini untuk meraikan rakan sejawatannya dari Bangladesh Sheikh Hasina yang tiba hari ini bersama rombongan 73 orang untuk lawatan empat hari. Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir.

Dr Mahathir berkata beliau gembira kerana beberapa syarikat Malaysia telahpun beroperasi menerusi usaha sama di Bangladesh.

Malaysia kini merupakan pelabur ketiga terbesar di Bangladesh dengan pelaburan berjumlah US\$1.32 bilion. Dagangan tahun ini telah menunjukkan peningkatan, dengan sejumlah RM263 juta dicatat dalam tempoh Januari hingga Mei.

Katanya kehadiran pelabur Malaysia di Bangladesh adalah bukti keyakinan mereka terhadap ekonomi negara itu hasil kejayaan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Sheikh Hasina.

Dr Mahathir berkata ekorán pemulihan ekonomi Malaysia, lebih banyak syarikat negara ini akan meluaskan operasi mereka di luar negara termasuk melabur di Bangladesh.

Dalam hal ini, katanya, kerjasama dan bantuan kerajaan Bangladesh amat penting untuk membolehkan mereka lebih terlibat dalam pembangunan sosio-ekonomi negara itu.

"Pada masa yang sama, saya berharap syarikat-syarikat Bangladesh akan digalak untuk menarik rakan kongsi dari Malaysia," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri memuji kerajaan pimpinan Sheikh Hasina yang menunjukkan komitmen untuk terus memajukan ekonomi berdasarkan pasaran terbuka berteraskan pertumbuhan yang didorong oleh sektor swasta.

Beliau berkata suasana yang turut memberi penekanan kepada perniagaan sangat penting di Bangladesh bagi menarik pelabur asing kerana pelaburan tidak akan berlaku jika tiada keamanan dan kestabilan.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri memuji kepimpinan Sheikh Hasina dalam menyelesaikan masalah pemberontak dalaman dan berusaha kuat bagi mewujudkan suasana aman dan stabil di Bangladesh.

Malaysia juga menyanjung kegigihan pemimpin Bangladesh itu dalam mencapai wawasan bapanya untuk membina "Sonar Bangla" atau "Golden Bengal".

Perdana Menteri berkata kerjasama antara negara-negara Islam adalah dimensi penting dalam dasar luar Malaysia dan banyak perkara perlu dilakukan bagi memperbaiki kedudukan umat Islam di seluruh dunia dalam era globalisasi ini.

Malaysia menganggap Bangladesh sebagai anggota penting dalam kumpulan lapan negara-negara Islam membangun (D-8) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan berharap untuk bekerja lebih rapat dengan Bangladesh demi kepentingan ummah.

"Saya yakin bahawa dengan semangat politik dan sokongan serta kerjasama semua anggota, pelbagai objektif yang diwujudkan oleh kedua-dua pertubuhan itu boleh dicapai dalam beberapa tahun akan datang," kata Dr Mahathir.

Sheikh Hasina dalam ucapannya menjemput usahawan Malaysia menjadikan Bangladesh sebagai destinasi asing mereka.

Beliau berharap Bangladesh dan Malaysia akan bekerja bersama-sama dan membantu satu sama lain untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi,

liberalisasi, teknologi maklumat dan era komunikasi.

"Saya yakin bahawa lawatan saya ke negara ini dan perbincangan dengan Perdana Menteri akan membantu memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan sedia ada, menyediakan peluang baru dan menjalin kerjasama dalam bidang baru," katanya.

Sheikh Hasina dijadual menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Istana Negara esok.

-- BERNAMA

APG AFY LAT MAI